



26 Ogos 2011
26 August 2011
P.U. (A) 307

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL
DAN PEMBERSIHAN AWAM (SKIM BAGI SISA PEPEJAL ISI
RUMAH DAN SISA PEPEJAL YANG SERUPA DENGAN SISA
PEPEJAL ISI RUMAH) 2011

*SOLID WASTE AND PUBLIC CLEANSING MANAGEMENT
(SCHEME FOR HOUSEHOLD SOLID WASTE AND SOLID
WASTE SIMILAR TO HOUSEHOLD SOLID WASTE)
REGULATIONS 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM
(SKIM BAGI SISA PEPEJAL ISI RUMAH DAN SISA PEPEJAL YANG SERUPA DENGAN SISA
PEPEJAL ISI RUMAH) 2011

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENYAMBUNGAN KE PERKHIDMATAN PEMUNGUTAN

3. Jenis sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah
4. Penyambungan ke perkhidmatan pemungutan
5. Pemberhentian penghunian premis
6. Jadual pemungutan
7. Tempat pemungutan

BAHAGIAN III

KEWAJIPAN PEMUNYA ATAU PENGHUNI PREMIS BERTANAH

8. Pelupusan sisa baki jika bekas sisa individu disediakan
9. Pelupusan sisa baki jika bekas sisa individu tidak disediakan
10. Pelupusan sisa baki jika pemungutan tepi bebendul jalan tidak disediakan
11. Kerosakan pada bekas sisa individu
12. Penggantian atau pembaikan kebuk sisa atau kawasan penyimpanan sisa
13. Penggunaan bekas sisa individu yang tidak wajar
14. Sisa yang boleh dikitar semula

15. Sisa pukal
16. Sisa taman
17. Pelupusan di premis
18. Permintaan bagi perkhidmatan pemungutan di luar jadual pemungutan
19. Permintaan untuk meningkatkan kapasiti bekas sisa individu

BAHAGIAN IV

KEWAJIPAN BADAN PENGURUSAN HARTA BERSAMA

20. Kewajipan badan pengurusan harta bersama bagi tanah yang dipecah bahagi kepada petak-petak tanah
21. Kewajipan badan pengurusan harta bersama
22. Kerosakan pada bekas sisa komunal
23. Penggunaan bekas sisa komunal yang tidak wajar

BAHAGIAN V

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN BAGI PERKHIDMATAN PEMUNGUTAN

24. Kewajipan pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan
25. Kewajipan pemegang lesen yang bertanggungjawab
26. Penghantaran ke kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan
27. Pengisian terlebih bagi sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah, dsb.
28. Tumpahan sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah, bahan resap larut, dsb.

BAHAGIAN VI

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN BAGI STESEN PEMINDAHAN

29. Kewajipan pemegang lesen bagi stesen pemindahan

BAHAGIAN VII

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN OLEH
PENGANGKUTAN JAUH

30. Kewajipan pemegang lesen bagi perkhidmatan pengangkutan oleh
pengangkutan jauh

BAHAGIAN VIII

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN BAGI KEMUDAHAN PENGOLAHAN DAN PELUPUSAN

31. Kewajipan pemegang lesen bagi kemudahan pengolahan dan pelupusan

BAHAGIAN IX

AM

32. Aduan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM
(SKIM BAGI SISA PEPEJAL ISI RUMAH DAN SISA PEPEJAL YANG SERUPA DENGAN SISA
PEPEJAL ISI RUMAH) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 108 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim bagi Sisa Pepejal Isi Rumah dan Sisa Pepejal Yang Serupa dengan Sisa Pepejal Isi Rumah) 2011**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2011.

(3) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi perkhidmatan pemungutan bagi sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah di dalam kawasan perkhidmatan atau kawasan skim.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“badan pengurusan harta bersama”, berhubungan dengan harta bersama mana-mana bangunan yang didirikan di atas tanah yang terkandung dalam pelan pecah bahagian strata yang diluluskan oleh pihak berkuasa berwajib, termasuklah–

- (a) perbadanan pengurusan atau mana-mana orang yang mempunyai kawalan ke atas bangunan itu;
- (b) mana-mana ejen atau pekhidmat yang dilantik oleh perbadanan pengurusan atau mana-mana orang yang mempunyai kawalan ke atas bangunan itu;
- (c) mana-mana orang, badan atau pentadbir yang dilantik menurut Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*] untuk menjalankan kuasa, atau menjalankan kuasa bagi, perbadanan pengurusan itu; atau
- (d) mana-mana orang atau badan yang dilantik menurut Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [*Akta 663*];

“baki” ertinya bahan yang tinggal selepas pengolahan sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah di mana-mana kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan;

“bekas” ertinya suatu bekas sisa individu atau bekas sisa komunal yang disediakan bagi sisa baki;

“buangan terjadual” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 [*Akta 127*];

“jadual pemungutan” ertinya suatu jadual bagi perkhidmatan pemungutan yang mengandungi butir-butir termasuklah hari dan masa pemungutan sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah bagi mana-mana kawasan perkhidmatan;

“kawasan perkhidmatan” ertinya suatu kawasan di dalam kawasan skim di mana perkhidmatan pemungutan disediakan;

“kawasan skim” ertinya kawasan geografi bagi suatu skim yang di dalamnya kawasan perkhidmatan terletak, dan yang disenaraikan dalam Bahagian A Jadual Pertama dan ditunjukkan dalam peta dalam Bahagian B jadual itu;

“kemudahan pengolahan dan pelupusan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal yang Ditetapkan dan Kelulusan bagi Pembinaan, Pengubahan dan Penutupan Kemudahan) 2011 [*P.U. (A) 302/2011*];

“kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal yang Ditetapkan dan Kelulusan bagi Pembinaan, Pengubahan dan Penutupan Kemudahan) 2011;

“pemegang lesen bagi kemudahan pengolahan dan pelupusan” ertinya mana-mana orang yang memegang suatu lesen di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengurusan atau Pengendalian Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal yang Ditetapkan) 2011 [*P.U. (A) 304/2011*] untuk menguruskan atau mengendalikan kemudahan pengolahan dan pelupusan;

“pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan” ertinya mana-mana orang yang memegang suatu lesen di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pemungutan bagi Sisa Pepejal Isi Rumah, Sisa Pepejal Awam, Sisa Pepejal Keinstitusian Awam dan Sisa Pepejal yang Serupa dengan Sisa Pepejal Isi Rumah) 2011 [*P.U. (A) 303/2011*] untuk mengusahakan atau menyediakan perkhidmatan pemungutan sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah bagi suatu kawasan skim atau kawasan perkhidmatan, dan termasuklah pemegang lesen yang bertanggungjawab;

“pemegang lesen bagi perkhidmatan pengangkutan oleh pengangkutan jauh” ertinya mana-mana orang yang memegang suatu lesen di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau

Penyediaan Perkhidmatan Pengangkutan oleh Pengangkutan Jauh) 2011 [P.U. (A) 305/2011];

“pemegang lesen bagi stesen pemindahan” ertinya mana-mana orang yang memegang suatu lesen di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengurusan atau Pengendalian Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal yang Ditetapkan) 2011 untuk menguruskan atau mengendalikan suatu stesen pemindahan;

“pemegang lesen yang bertanggungjawab” ertinya pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan yang telah diberikan kontrak atau konsesi oleh Kerajaan untuk mengusahakan atau menyediakan perkhidmatan pemungutan bagi sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah bagi suatu kawasan skim atau kawasan perkhidmatan;

“pemungutan tepi bebendul jalan” ertinya pemungutan pintu ke pintu dari premis bertanah atau bangunan di atas tanah yang dipecah bahagi kepada petak-petak tanah mengikut jadual pemungutan;

“perkhidmatan pemungutan” ertinya perkhidmatan yang mana sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah dipungut dari tempat pemungutan dan dihantar ke kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan, dan termasuk pemungutan tepi bebendul jalan;

“premis bertanah” termasuklah rumah teres, rumah berkembar, rumah berkelompok, rumah banglo, rumah kedai dan rumah kampung, tetapi tidak termasuk bangunan yang dipecah bahagi kepada petak dan bangunan di atas tanah yang dipecah bahagi kepada petak-petak tanah;

“sisa baki” ertinya sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah yang tidak diguna semula, dikitar semula atau dikompos dan boleh diletakkan di dalam bekas;

“sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah” ertinya–

- (a) apa-apa bahagian daripada sisa pepejal komersial yang dihasilkan di dalam mana-mana kawasan perkhidmatan; atau
- (b) apa-apa bahagian daripada sisa pepejal keinstitutional yang dihasilkan di dalam mana-mana kawasan perkhidmatan,

dan yang serupa dengan sifat dan amaun sisa pepejal isi rumah;

“sisa pukal” ertinya sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah yang terlebih besar yang tidak boleh diletakkan di dalam suatu bekas, dan termasuk perkakasan, perabot, batang pokok, dahan dan tunggul;

“sisa taman” ertinya pokok, daun, tumbuhan menjalar, rumput atau akar yang melekat dengan tanah dan apa-apa sisa yang serupa lain dari taman atau kawasan mana-mana premis;

“sisa yang boleh dikitar semula” ertinya apa-apa sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah yang diasingkan untuk dikitar semula, dan termasuk kertas, kadbod, kaca, plastik, logam dan sisa makanan;

“skim” ertinya sistem bagi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal yang menyatakan kewajipan dan obligasi pemegang lesen dan penghasil sisa pepejal, kawasan geografi bagi skim itu, jenis sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah yang dihasilkan di dalam kawasan skim itu, dan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal yang akan disediakan;

“stesen pemindahan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal Yang Ditetapkan dan Kelulusan bagi Pembinaan, Pengubahan dan Penutupan Kemudahan) 2011;

“tapak pelupusan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal Yang Ditetapkan dan Kelulusan bagi Pembinaan, Pengubahan dan Penutupan Kemudahan) 2011;

“tempat pemungutan ” ertinya –

- (a) suatu kedudukan di mana-mana premis, sama ada tertelak di dalam atau di luar premis itu; atau
- (b) suatu kedudukan komunal bagi beberapa premis,

yang ditentukan oleh Perbadanan bagi sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah untuk disimpan sebelum pemungutan, sama ada di dalam bekas atau tidak, dan kedudukan sedemikian mempunyai akses yang langsung dan tidak terhalang bagi pemungutan oleh kenderaan pungutan sisa dan terletak di tempat yang tidak menyebabkan halangan atau kacau ganggu kepada mana-mana orang.

BAHAGIAN II

PENYAMBUNGAN KE PERKHIDMATAN PEMUNGUTAN

Jenis sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah

3. Jenis sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah adalah seperti yang berikut:

- (a) sisa baki;
- (b) sisa yang boleh dikitar semula;
- (c) sisa pukal; dan
- (d) sisa taman.

Penyambungan ke perkhidmatan pemungutan

4. (1) Bagi maksud disambungkan ke perkhidmatan pemungutan, orang yang berikut hendaklah memohon untuk mendaftarkan premis yang terletak di dalam kawasan perkhidmatan kepada Perbadanan:

- (a) pemunya atau penghuni premis bertanah;
- (b) jika bangunan di atas tanah yang dipecah bahagi kepada petak-petak tanah diberi perkhidmatan pemungutan tepi bebendul jalan, dengan atau tanpa bekas sisa individu, pemunya atau penghuni bangunan sedemikian; atau
- (c) badan pengurusan harta bersama.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat—

- (a) jika premis tidak dihuni, tidak kurang daripada empat belas hari sebelum dihuni; atau
- (b) jika premis dihuni sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini tetapi belum lagi diberikan perkhidmatan pemungutan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, dalam masa empat belas hari dari tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

(3) Apabila permohonan di bawah subperaturan (1) diterima, Perbadanan hendaklah mendaftarkan premis itu.

(4) Jika mana-mana premis yang terletak di dalam kawasan perkhidmatan atau kawasan skim telah dihuni dan telah diberikan perkhidmatan pemungutan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan

ini, Perbadanan hendaklah disifatkan telah mendaftarkan premis itu di bawah subperaturan (3).

(5) Tertakluk kepada subperaturan 10(2), apabila premis didaftarkan—

- (a) di bawah subperaturan (3), pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan hendaklah memberikan perkhidmatan pemungutan kepada premis itu dalam masa empat belas hari dari tarikh pendaftaran; atau
- (b) di bawah subperaturan (4), pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan hendaklah memberikan perkhidmatan pemungutan kepada premis itu dalam masa empat belas hari dari tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

Pemberhentian penghunian premis

5. (1) Jika premis berhenti dihuni secara kekal, atau secara sementara bagi suatu tempoh yang melebihi tiga bulan, dan merupakan premis yang baginya perkhidmatan pemungutan diberikan—

- (a) pemunya atau penghuni premis bertanah;
- (b) pemunya atau penghuni sesuatu bangunan di atas tanah yang dipecah bahagi kepada petak-petak tanah yang diberi perkhidmatan pemungutan tepi bebendul jalan, dengan atau tanpa bekas sisa individu; atau
- (c) badan pengurusan harta bersama,

hendaklah memberitahu Perbadanan tentang pemberhentian penghunian premis itu tidak kurang daripada tujuh hari sebelum premis itu berhenti dihuni.

(2) Apabila pemberitahuan di bawah subperaturan (1) diterima, Perbadanan boleh membatalkan pendaftaran premis itu dan menarik balik pemberian perkhidmatan pemungutan oleh pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan.

(3) Dalam hal premis yang baginya perkhidmatan pemungutan ditarik balik di bawah subperaturan (2) dihuni semula, perenggan 4(2)(a) hendaklah terpakai.

Jadual pemungutan

6. (1) Perbadanan hendaklah menentukan jadual pemungutan bagi sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah bagi sesuatu kawasan perkhidmatan.

(2) Pemegang lesen yang bertanggungjawab hendaklah mematuhi jadual pemungutan yang ditentukan oleh Perbadanan di bawah subperaturan (1).

(3) Seseorang pemegang lesen yang bertanggungjawab yang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Tempat pemungutan

7. (1) Tiada seorang pun boleh menghalang atau menyebabkan terhalang akses oleh kenderaan pungenitan sisa ke tempat pemungutan.

(2) Seseorang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

BAHAGIAN III

KEWAJIPAN PEMUNYA ATAU PENGHUNI PREMIS BERTANAH

Pelupusan sisa baki jika bekas sisa individu disediakan

8. (1) Jika pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan menyediakan pemungutan tepi bebendul jalan dengan bekas sisa individu kepada premis bertanah di

dalam kawasan perkhidmatan, pemunya atau penghuni premis bertanah itu hendaklah—

- (a) meletakkan sisa baki di dalam beg atau bejana yang diikat dengan selamat sebelum meletakkan sisa baki itu ke dalam bekas sisa individu itu;
- (b) membalut sisa baki yang mempunyai tepi yang tajam atau boleh memotong dengan selamat sebelum sisa baki itu diletakkan ke dalam bekas sisa individu itu;
- (c) menutup bekas sisa individu itu pada setiap masa;
- (d) menyimpan bekas sisa individu itu dalam keadaan bersih;
- (e) jika tempat pemungutan ditempatkan di dalam premis bertanah dan bekas sisa individu disimpan di tempat lain di dalam premis bertanah itu, meletakkan bekas sisa individu itu di tempat pemungutan sebelum masa pemungutan seperti yang dinyatakan dalam jadual pemungutan;
- (f) jika tempat pemungutan ditempatkan di luar premis bertanah, meletakkan bekas sisa individu itu di tempat pemungutan hanya pada hari dan masa pemungutan seperti yang dinyatakan dalam jadual pemungutan, kecuali jika Perbadanan menghendaki bekas sisa individu itu berada di tempat pemungutan itu; dan
- (g) tertakluk kepada peraturan 27, jika amaun sisa baki melebihi kapasiti bekas sisa individu itu, meletakkan sisa baki di dalam beg atau bejana yang diikat dengan selamat bersebelahan dengan bekas sisa individu itu untuk pemungutan.

(2) Seseorang pemunya atau penghuni premis bertanah yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Pelupusan sisa baki jika bekas sisa individu tidak disediakan

9. (1) Jika pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan menyediakan pemungutan tepi bebendul jalan tanpa bekas sisa individu kepada premis bertanah di dalam kawasan perkhidmatan, pemunya atau penghuni premis bertanah itu hendaklah meletakkan sisa baki itu di dalam beg atau bejana yang diikat dengan selamat dan hendaklah –

- (a) jika tempat pemungutan terletak di dalam premis bertanah, meletakkan beg atau bejana itu di tempat pemungutan sebelum masa pemungutan seperti yang dinyatakan dalam jadual pemungutan; atau
- (b) jika tempat pemungutan terletak di luar premis bertanah, meletakkan beg atau bejana itu di tempat pemungutan itu hanya pada hari dan masa pemungutan seperti yang dinyatakan dalam jadual pemungutan.

(2) Seseorang pemunya atau penghuni premis bertanah yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Pelupusan sisa baki jika pemungutan tepi bebendul jalan tidak disediakan

10. (1) Jika pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan tidak menyediakan pemungutan tepi bebendul jalan bagi premis bertanah di dalam kawasan perkhidmatan atau kawasan skim, pemunya atau penghuni premis bertanah itu hendaklah meletakkan sisa baki itu ke dalam bekas sisa komunal yang disediakan oleh pemegang lesen yang bertanggungjawab, atau di tapak pelupusan yang disediakan oleh pemegang lesen bagi kemudahan pengolahan dan pelupusan.

(2) Jika bekas sisa komunal atau tapak pelupusan tidak disediakan menurut subperaturan (1), pemunya atau penghuni premis bertanah itu hendaklah menggali suatu lubang yang mempunyai saiz yang mencukupi bagi pelupusan sisa bakinya, dan tidak boleh menerima sisa baki dari premis lain untuk dilupuskan ke dalam lubang itu, kecuali yang diluluskan selainnya oleh Perbadanan.

(3) Pemunya atau penghuni premis bertanah yang menggali lubang di bawah subperaturan (2) hendaklah menanam sisa baki itu di dalam lubang itu apabila lubang itu penuh.

(4) Seseorang pemunya atau penghuni premis bertanah yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Kerosakan pada bekas sisa individu

11. (1) Pemunya atau penghuni premis bertanah yang diberi perkhidmatan pemungutan tepi bebendul jalan dengan bekas sisa individu di bawah subperaturan 8(1) hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan bekas sisa individu itu yang disediakan oleh pemegang lesen yang bertanggungjawab tidak rosak.

(2) Jika pemunya atau penghuni premis bertanah tidak mengambil langkah yang munasabah di bawah subperaturan (1) dan kerosakan berlaku ke atas bekas sisa individu itu, pemunya atau penghuni itu hendaklah bertanggungjawab bagi apa-apa pembaikan atau penggantian bekas sisa individu itu, melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

(3) Seseorang pemunya atau penghuni premis bertanah yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Penggantian atau pembaikan kebuk sisa atau kawasan penyimpanan sisa

12. (1) Perbadanan boleh mengarahkan, jika difikirkannya patut, pemunya atau penghuni premis bertanah untuk menggantikan atau membaiki apa-apa kecacatan pada kebuk sisa atau kawasan penyimpanan sisa, atau akses kepada kebuk atau kawasan penyimpanan itu, dengan sewajarnya.

(2) Seseorang pemunya atau penghuni premis bertanah yang tidak mematuhi arahan yang diberikan oleh Perbadanan di bawah subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Penggunaan bekas sisa individu yang tidak wajar

13. (1) Tiada seorang pun boleh –

- (a) meletakkan apa-apa buangan terjadual di dalam bekas sisa individu atau di dalam mana-mana beg atau bejana yang diikat dengan selamat yang mengandungi sisa baki;
- (b) menggunakan mana-mana bekas sisa individu bagi maksud selain maksud yang diniatkan baginya; dan
- (c) tertakluk kepada perenggan 8(1)(f), mengalihkan pada bila-bila masa bekas sisa individu dari premis bertanah.

(2) Seseorang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Sisa yang boleh dikitar semula

14. (1) Jika terdapat sesuatu pusat kitar semula di dalam kawasan perkhidmatan atau kawasan skim, sisa yang boleh dikitar semula itu boleh diasingkan oleh pemunya atau penghuni premis bertanah dan dibawa ke pusat kitar semula bagi kawasan perkhidmatan atau kawasan skim itu.

(2) Jika jadual pemungutan bagi sisa yang boleh dikitar semula disediakan, pemunya atau penghuni premis bertanah hendaklah memastikan sisa yang boleh dikitar semula itu diasingkan daripada jenis sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah yang lain dan—

- (a) jika tempat pemungutan terletak di dalam premis bertanah itu, membungkus dan mengikat sisa yang boleh dikitar semula itu, atau meletakkan sisa yang boleh dikitar semula itu di dalam beg atau bejana, dan meletakkan sisa yang boleh dikitar semula itu di tempat pemungutan sebelum masa pemungutan seperti yang dinyatakan dalam jadual pemungutan; atau
- (b) jika tempat pemungutan terletak di luar premis bertanah itu, membungkus dan mengikat sisa yang boleh dikitar semula itu, atau meletakkan sisa yang boleh dikitar semula itu di dalam beg atau bejana, dan meletakkan sisa yang boleh dikitar semula itu di tempat pemungutan hanya pada hari dan masa pemungutan seperti yang dinyatakan dalam jadual pemungutan.

Sisa pukal

15. (1) Pemunya atau penghuni premis bertanah hendaklah—

- (a) jika tempat pemungutan terletak di dalam premis bertanah itu, meletakkan sisa pukal itu di tempat pemungutan sebelum masa pemungutan seperti yang dinyatakan dalam jadual pemungutan; atau
- (b) jika tempat pemungutan terletak di luar premis bertanah itu, meletakkan sisa pukal itu di tempat pemungutan hanya pada hari dan masa pemungutan seperti yang dinyatakan dalam jadual pemungutan.

(2) Seseorang pemunya atau penghuni premis bertanah yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Sisa taman

16. (1) Pemunya atau penghuni premis bertanah hendaklah—

- (a) jika tempat pemungutan terletak di dalam premis bertanah itu, membungkus dan mengikat sisa taman itu, atau meletakkan sisa taman itu di dalam beg atau bejana, dan meletakkan sisa taman itu di tempat pemungutan sebelum masa pemungutan seperti yang dinyatakan dalam jadual pemungutan; atau
- (b) jika tempat pemungutan terletak di luar premis bertanah itu, membungkus dan mengikat sisa taman itu, atau meletakkan sisa taman itu di dalam beg atau bejana, dan meletakkan sisa taman itu di tempat pemungutan hanya pada hari dan masa pemungutan seperti yang dinyatakan dalam jadual pemungutan.

(2) Seseorang pemunya atau penghuni premis bertanah yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Pelupusan di premis

17. (1) Tertakluk kepada subperaturan 10(2) dan (3), pemunya atau penghuni premis bertanah tidak boleh menggali lubang dan menanam apa-apa sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah di dalam atau pada premis bertanah itu.

(2) Seseorang pemunya atau penghuni premis bertanah yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Permintaan bagi perkhidmatan pemungutan di luar jadual pemungutan

18. (1) Seseorang pemunya atau penghuni premis bertanah boleh meminta daripada pemegang lesen yang bertanggungjawab bagi pemungutan sisa baki, sisa pukal, sisa taman atau sisa yang boleh dikitar semula di luar jadual pemungutan.

(2) Jika sisa baki, sisa pukal, sisa taman atau sisa yang boleh dikitar semula telah dipungut di luar jadual pemungutan, pemegang lesen yang bertanggungjawab boleh mengeluarkan suatu invois kepada pemunya atau penghuni premis bertanah itu berkenaan dengan caj bagi perkhidmatan pemungutan di luar jadual pemungutan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Apabila invois di bawah subperaturan (2) diterima, pemunya atau penghuni premis bertanah itu hendaklah membayar caj itu kepada pemegang lesen yang bertanggungjawab secara tunai atau dalam apa-apa bentuk lain yang ditentukan oleh Perbadanan dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan invois itu.

(4) Apabila bayaran caj di bawah subperaturan (3) diterima, pemegang lesen yang bertanggungjawab hendaklah mengeluarkan suatu resit kepada pemunya atau penghuni premis bertanah itu.

(5) Semua caj yang genap masa dan kena dibayar kepada pemegang lesen yang bertanggungjawab hendaklah menjadi suatu hutang yang kena dibayar kepada pemegang lesen yang bertanggungjawab, dan dalam hal apa-apa caj yang kena dibayar itu masih tidak dibayar, pemegang lesen yang bertanggungjawab itu boleh, selepas memberikan notis satu bulan, memulakan prosiding terhadap pemunya atau penghuni premis bertanah itu di dalam mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten bagi mendapatkan kembali hutang itu.

Permintaan untuk meningkatkan kapasiti bekas sisa individu

19. (1) Seseorang pemunya atau penghuni premis bertanah yang disediakan dengan bekas sisa individu boleh meminta kepada Perbadanan untuk meningkatkan kapasiti bekas sisa individu itu.

(2) Jika kapasiti bekas sisa individu telah ditingkatkan, pemegang lesen yang bertanggungjawab hendaklah mengeluarkan suatu invoice kepada pemunya atau penghuni premis bertanah itu berkenaan dengan caj bagi meningkatkan kapasiti bekas sedemikian seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Apabila invoice di bawah subperaturan (2) diterima, pemunya atau penghuni premis bertanah itu hendaklah membayar caj itu kepada pemegang lesen yang bertanggungjawab secara tunai atau dalam apa-apa bentuk lain yang ditentukan oleh Perbadanan dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan invoice itu.

(4) Apabila bayaran caj di bawah subperaturan (3) diterima, pemegang lesen yang bertanggungjawab itu hendaklah mengeluarkan suatu resit kepada pemunya atau penghuni premis bertanah itu.

BAHAGIAN IV

KEWAJIPAN BADAN PENGURUSAN HARTA BERSAMA

Kewajipan badan pengurusan harta bersama bagi tanah yang dipecah bahagi kepada petak-petak tanah

20. (1) Badan pengurusan harta bersama bagi tanah yang dipecah bahagi kepada petak-petak tanah hendaklah menentukan sama ada bangunan di atas tanah sedemikian hendaklah disediakan dengan pemungutan tepi bebendul jalan, dengan atau tanpa bekas sisa individu, di setiap petak tanah atau bekas sisa komunal.

(2) Jika bangunan di atas tanah yang dipecah bahagi kepada petak-petak tanah di bawah subperaturan (1) disediakan dengan pemungutan tepi bebendul jalan, dengan atau tanpa bekas sisa individu, Bahagian III hendaklah terpakai dengan pengubahsuaian, dan khususnya sebutan “premis bertanah” hendaklah dikira sebagai sebutan “bangunan di atas tanah yang dipecah bahagi kepada petak-petak tanah”.

(3) Jika bangunan di atas tanah yang dipecah bahagi kepada petak-petak tanah itu disediakan dengan bekas sisa komunal, peraturan 21 hendaklah terpakai.

Kewajipan badan pengurusan harta bersama

21. (1) Badan pengurusan harta bersama hendaklah menyediakan satu atau lebih tempat pemungutan yang mempunyai saiz yang mencukupi, di dalam atau di luar bangunan, mengikut jadual pemungutan, bagi semua sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah, termasuk suatu kawasan bagi pemungutan sisa baki, sisa pukal, sisa taman dan sisa yang boleh dikitar semula.

(2) Badan pengurusan harta bersama hendaklah menyenggara pada setiap masa tempat pemungutan dan apa-apa kelengkapan pelupusan sisa termasuk pelongsor sisa, corong sisa dan kebuk sisa.

(3) Perbadanan boleh mengarahkan, sebagaimana yang difikirkannya patut, badan pengurusan harta bersama berkenaan dengan—

- (a) penyediaan dan penyenggaraan tempat pemungutan; dan
- (b) penggantian atau pembaikan apa-apa kecacatan di tempat pemungutan dan apa-apa kelengkapan pelupusan sisa termasuk pelongsor sisa, corong sisa dan kebuk sisa.

(4) Sesuatu badan pengurusan harta bersama yang tidak mematuhi arahan yang diberikan di bawah subperaturan (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

(5) Badan pengurusan harta bersama hendaklah memastikan bahawa pemunya atau penghuni setiap petak bangunan atau sesuatu bangunan di atas tanah yang dipecah bahagi kepada petak-petak tanah menghantar sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah ke kawasan tempat pemungutan masing-masing bagi sisa baki, sisa pukal, sisa taman dan sisa yang boleh dikitar semula.

(6) Badan pengurusan harta bersama hendaklah memastikan bahawa pemunya atau penghuni setiap petak bangunan atau bangunan di atas tanah yang dipecah bahagi kepada petak-petak tanah—

- (a) meletakkan sisa baki di dalam beg atau bejana yang diikat dengan selamat sebelum diletakkan ke dalam bekas sisa komunal; dan
- (b) membalut sisa baki yang mempunyai tepi yang tajam atau boleh memotong dengan selamat sebelum diletakkan ke dalam bekas sisa komunal.

(7) Jika amaun sisa baki yang dihasilkan melebihi kapasiti bekas sisa komunal, badan pengurusan harta bersama hendaklah memaklumkan Perbadanan yang hendaklah mengarahkan pemegang lesen yang bertanggungjawab untuk menyediakan kapasiti bekas sisa komunal yang mencukupi.

(8) Sesuatu badan pengurusan harta bersama yang melanggar subperaturan (1), (2), (5) atau (6) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Kerosakan pada bekas sisa komunal

22. (1) Badan pengurusan harta bersama hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa bekas sisa komunal yang disediakan oleh pemegang lesen yang bertanggungjawab tidak rosak.

(2) Jika badan pengurusan harta bersama tidak mengambil langkah yang munasabah di bawah subperaturan (1) dan kerosakan berlaku ke atas bekas sisa komunal itu, badan pengurusan harta bersama itu hendaklah bertanggungjawab bagi apa-apa pembaikan atau penggantian bekas sisa komunal itu, melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

(3) Sesuatu badan pengurusan harta bersama yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Penggunaan bekas sisa komunal yang tidak wajar

23. (1) Tiada seorang pun boleh –

(a) meletakkan apa-apa buangan terjadual di dalam bekas sisa komunal atau di dalam mana-mana beg atau bejana yang diikat dengan selamat yang mengandungi sisa baki; atau

(b) menggunakan mana-mana bekas sisa komunal bagi maksud selain maksud yang diniatkan baginya.

(2) Seseorang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

BAHAGIAN V

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN BAGI PERKHIDMATAN PEMUNGUTAN

Kewajipan pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan

24. (1) Tertakluk kepada subperaturan 6(2), pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan hendaklah –

(a) memungut sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah dari tempat pemungutan;

(b) menjalankan perkhidmatan pemungutan mengikut apa-apa cara yang meminimumkan kebisingan, kacau ganggu dan gangguan kepada mana-mana orang; dan

(c) jika bekas disediakan, memastikan bahawa penutup bekas ditutup selepas pemungutan dan bekas itu dikembalikan ke tempat pemungutan.

(2) Seseorang pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Kewajipan pemegang lesen yang bertanggungjawab

25. Pemegang lesen yang bertanggungjawab hendaklah–

- (a) membekalkan bekas untuk premis yang ditentukan oleh Perbadanan;
- (b) membaiki atau menggantikan bekas bagi mana-mana premis jika bekas itu rosak disebabkan oleh penggunaan biasa, haus dan lusuh, atau akibat pengosongan atau pergerakan bagi pemungutan;
- (c) menandakan setiap bekas bagi maksud pengenalan mengikut arahan Perbadanan;
- (d) memaklumkan secara bertulis kepada pemunya atau penghuni premis bertanah atau badan pengurusan harta bersama mengenai jadual pemungutan; dan
- (e) menyediakan dan mengemukakan kepada Perbadanan apa-apa maklumat tambahan mengenai pemungutan dan penghantaran sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

Penghantaran ke kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan

26. (1) Seseorang pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan hendaklah menghantar sisa baki ke kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Seseorang pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan hendaklah menghantar sisa pukal, sisa taman dan sisa yang boleh dikitar semula ke kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan yang menerima sisa sedemikian di dalam kawasan skim yang berkaitan.

Pengisian terlebih bagi sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah, dsb.

27. (1) Jika premis bertanah atau bangunan di atas tanah yang dipecah bahagi kepada petak-petak tanah disediakan dengan bekas sisa individu dan bekas sisa individu itu terlebih diisi dengan sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah atau sisa sedemikian dilonggokkan, sepenuhnya atau sebahagiannya, bersebelahan dengan bekas sisa individu itu, pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan hendaklah memungut sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah itu dan mengeluarkan notis kepada—

(a) pemunya atau penghuni premis bertanah; atau

(b) pemunya atau penghuni bangunan di atas tanah yang dipecah bahagi kepada petak-petak tanah,

berkenaan dengan caj pengisian terlebih bekas sisa individu itu dengan sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah atau pelonggokkan sisa sedemikian, sepenuhnya atau sebahagiannya, bersebelahan dengan bekas sisa individu itu.

(2) Apabila berulangnya pengisian terlebih bekas sisa individu dengan sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah atau pelonggokkan sisa sedemikian, sepenuhnya atau sebahagiannya, bersebelahan dengan bekas sisa individu di bawah subperaturan (1), Perbadanan boleh membenarkan pemegang lesen yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan suatu invois bagi pengisian terlebih atau pelonggokkan sedemikian.

(3) Apabila invois di bawah subperaturan (2) diterima—

(a) pemunya atau penghuni premis bertanah itu; atau

- (b) pemunya atau penghuni bangunan di atas tanah yang dipecah bahagi kepada petak-petak tanah itu,

hendaklah membayar kepada pemegang lesen yang bertanggungjawab caj sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi pengisian terlebih bekas sisa individu itu dengan sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah atau pelonggokkan sisa sedemikian, sepenuhnya atau sebahagiannya, bersebelahan dengan bekas sisa individu itu.

(4) Pembayaran caj di bawah subperaturan (3) hendaklah dibuat secara tunai atau dalam apa-apa bentuk yang lain yang diterima oleh pemegang lesen yang bertanggungjawab dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan invois itu.

(5) Apabila bayaran caj di bawah subperaturan (3) diterima, pemegang lesen yang bertanggungjawab hendaklah mengeluarkan suatu resit kepada—

- (a) pemunya atau penghuni premis bertanah itu; atau
- (b) pemunya atau penghuni bangunan di atas tanah yang dipecah bahagi kepada petak-petak tanah itu.

Tumpahan sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah, bahan larut resap, dsb.

28. (1) Semasa memberikan perkhidmatan pemungutan, pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan hendaklah memastikan bahawa tiada tumpahan sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah atau bahan larut resap berlaku di kawasan sekitar bekas atau kenderaan pungutan sisa.

(2) Jika berlaku apa-apa tumpahan sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah atau bahan larut resap di bawah subperaturan (1), pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan hendaklah membersihkan kawasan tumpahan sisa atau bahan larut resap itu dengan serta-merta.

(3) Semasa pemampatan sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah di dalam kenderaan pungutan sisa yang digunakan bagi perkhidmatan pemungutan dan pengangkutannya, pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan itu hendaklah memastikan bahawa tiada tumpahan sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah atau bahan larut resap dari kenderaan pungutan sisa itu.

(4) Jika berlaku apa-apa tumpahan sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah atau bahan larut lesap semasa pemampatan atau pengangkutan di bawah subperaturan (3), pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan hendaklah membersihkan kawasan tumpahan sisa atau bahan larut resap itu dengan serta-merta.

(5) Seseorang pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan yang melanggar subperaturan (1), (2), (3) atau (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit

BAHAGIAN VI

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN BAGI STESEN PEMINDAHAN

Kewajipan pemegang lesen bagi stesen pemindahan

29. (1) Pemegang lesen bagi stesen pemindahan hendaklah memastikan bahawa stesen pemindahan itu beroperasi dalam kapasiti yang dinyatakan dan diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(2) Pemegang lesen bagi stesen pemindahan hendaklah hanya menerima sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah daripada pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan bagi kawasan perkhidmatan atau kawasan skim yang disediakan perkhidmatan oleh stesen pemindahan itu.

(3) Pemegang lesen bagi stesen pemindahan tidak boleh menolak apa-apa sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah yang dihantar kepadanya menurut subperaturan (2).

(4) Seseorang pemegang lesen bagi stesen pemindahan yang melanggar subperaturan (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

BAHAGIAN VII

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN OLEH PENGANGKUTAN JAUH

Kewajipan pemegang lesen bagi perkhidmatan pengangkutan oleh pengangkutan jauh

